



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

## **TARIAN TRADISIONAL SUKU KAUM DUSUN TINAGAS DI SABAH**

**Ina Humayra Rompado**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2016**

# TARIAN TRADISIONAL SUKU KAUM DUSUN TINAGAS DI SABAH

INA HUMAYRA ROMPADO

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2016

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Tarian Tradisional Suku Kaum Dusun Tinagas di Sabah**' telah disediakan oleh **Ina Humayra Rompado** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Prof. Madya Dr. Anna Durin)

Tarikh:

---

## **PENGHARGAAN**

Sepanjang saya menyiapkan kajian ini, ramai individu yang terlibat secara langsung untuk memberikan bantuan kepada saya tidak kira dari aspek kewangan, tenaga, dorongan, motivasi, tunjuk ajar dan ilmu. Oleh itu, saya hanya dapat menzahirkan rasa terharu saya dengan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang membantu saya sehingga saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini sepenuhnya. Di kesempatan ini, saya memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan rahmat dan kebaikan-Nya saya telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Prof. Madya Dr. Anna Durin kerana telah mencurahkan ilmu dengan hati yang ikhlas serta pengorbanan beliau dalam memastikan pelajar-pelajarnya memahami ilmu yang diberikan. Beliau sentiasa memantau perkembangan penyelidikan kami dalam kelas dengan meminta kami untuk membentangkan hasil dapatan kajian selepas cuti pertengahan semester. Beliau sangat sabar dalam melayan karenah kami dan sentiasa memberikan peluang untuk memperbaiki segala kesilapan yang berlaku sepanjang kami menjalankan penyelidikan ini. Rasanya tidak keterlaluan jika saya mengatakan bahawa saya bertuah kerana berpeluang mengikuti kelas Projek Tahun Akhir yang diajar oleh pensyarah seperti beliau.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya khususnya kepada kedua-dua ibu bapa saya kerana sanggup bersusah payah membiayai pembelajaran saya sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Selain itu, mereka juga sentiasa memberikan dorongan serta motivasi kepada saya untuk terus bersemangat dalam menyiapkan penyelidikan ini walaupun saya menghadapi banyak cabaran semasa mendapatkan maklumat. Saya tidak mampu membalas segala jasa dan pengorbanan yang telah mereka lakukan untuk saya selain doa yang saya panjatkan semoga Tuhan memberkati hidup mereka.

Saya tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada semua informan yang terlibat kerana sudi bekerjasama dan meluangkan masa untuk menjawab segala pertanyaan yang saya ajukan. Tanpa bantuan kalian saya tidak akan dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Seterusnya, saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang sudi menghulurkan bantuan dalam bentuk apa sahaja sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Saya tidak akan melupakan anda semua di mana pun saya berada kerana anda telah memberikan saya sebuah kenangan manis yang tidak pernah saya lupakan. Semua jasa baik anda akan sentiasa tersemat dalam ingatan ku dan saya doakan anda semua berjaya dalam hidup.

## **ABSTRAK**

Tarian Mangalai dan Mongigol suku kaum Dusun Tinagas di Sabah sememangnya jarang dipersembahkan kepada orang ramai menyebabkan tarian tradisional ini kurang dikenali. Ini disebabkan oleh faktor promosi yang kurang dalam kalangan suku kaum Dusun Tinagas. Penyelidikan ini dilakukan di kampung Malinsau Ranau, Sabah iaitu salah satu petempatan suku kaum Dusun Tinagas. Penyelidikan ini menggunakan enam orang informan yang terdiri daripada dua orang perempuan dan empat orang lelaki yang berumur dalam lingkungan 40 sehingga 70 tahun ke atas serta mempunyai pengalaman dalam tarian Mangalai dan Mongigol. Terdapat tiga objektif dalam penyelidikan ini iaitu yang pertama mengenal pasti konsep tarian mangalai dan mongigol, seterusnya ialah meneliti pengurusan promosi bagi tarian mangalai dan mongigol, dan yang ketiga ialah mengkaji faktor atur cara persembahan tarian mangalai dan mongigol tidak diamalkan dalam sesebuah persembahan.

## **ABSTRACT**

*Mangalai and Mongigol dance in Tinagas Dusun tribe in Sabah is rarely presented to the public cause these lesser-known traditional dance. This is caused by insufficient promotion among the ethnic of Dusun Tinagas. This research was conducted in the Malinsau village at Ranau, Sabah, which is one of the settlements Dusun Tinagas tribes. This research uses six informants consisting of two women and four men aged 40 to 70 years old and above and have experience in Mangalai and Mongigol dance. There are three objectives of this research were first identified Mangalai and Mongigol dance concept, the next is to examine the promotion management of Mangalai and Mongigol dance, and the third was to review the program performances of Mangalai and Mongigol dance not practiced in any event.*

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
HALAMAN TAJUK	I
PENGESAHAN	II
PENGAKUAN	IV
PENGHARGAAN	V
ABSTRAK	VII
<i>ABSTRACT</i>	VIII
SENARAI KANDUNGAN	IX
SENARAI PETA	XIV
SENARAI RAJAH	XV
SENARAI GAMBAR	XVI
SENARAI CARTA	XVII
<b>BAB I: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Istilah	2
1.3 Latar Belakang Kajian	5
1.4 Permasalahan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8

1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Soalan Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Skop Kajian	12
1.10 Lokasi Kajian	13
1.11 Kerangka Kerja Kajian	14
1.12 Kekangan Kajian	16
1.13 Rumusan	17
<b>BAB II: SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Tarian Sumazau	18
2.3 Tarian Menyak Sarawak	19
2.4 Tari Boria Pulau Pinang	20
2.5 Tarian Tarinai Perlis	21
2.6 Tarian Zapin Pekan Pahang	22
2.7 Tarian Labi-Labi Pahang	22
2.8 Tarian Sewang Pahang	23
2.9 Tarian Upih Pahang	24
2.10 Tarian Piring Pahang	24

2.11 Tarian Pelanduk Pahang	25
2.12 Tarian Lagu Anak Indung Pahang	26
2.13 Tarian Tempurung Pahang	27
2.14 Tarian Lesung Indik Bertampi Pahang	28
2.15 Tarian Calok (Sumpah-Sumpah) Pahang	28
2.16 Tarian Joget Lambak Melaka	29
2.17 Tarian Joget Gamelan Terengganu dan Pahang	30
2.18 Rumusan	31
<b>BAB III: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	32
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	
3.2.1 Data sekunder	32
3.3 Kaedah Kualitatif	33
3.3.1 Pemerhatian	33
3.3.2 Temu bual	33
3.3.3 Dokumentasi	34
3.3.4 Analisis data kajian	35
3.3.5 Informan	37
3.4 Rumusan	43

## **BAB IV: DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	44
<b>4.2 Konsep Tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i></b>	
a) Makna	45
b) Fungsi	45
c) Kepercayaan	46
d) Alat muzik	48
e) Pakaian tradisional penari	58
f) Cara tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i> ditarikan	66
<b>4.3 Pengurusan Promosi Tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i></b>	
4.3.1 Pengurusan promosi tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i> dalam aspek warisan tidak ketara	
a) Penubuhan Persatuan Tinagas Sabah (PTS)	67
b) Pengurusan promosi tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i> dalam pengurusan acara	73
c) Pengurusan promosi tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i> dalam pemasaran	76
d) Pengurusan promosi tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i> dalam pengedaran risalah	77
e) Pengurusan promosi tarian <i>Mangalai</i> dan <i>Mongigol</i> melalui media sosial	81
<b>4.4 Rumusan</b>	82

## **BAB V: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan	83
5.2 Kesimpulan	83
5.3 Cadangan	85
5.4 Rumusan	87
<b>GLOSARI</b>	88
<b>RUJUKAN</b>	91
<b>LAMPIRAN</b>	

## **BAB I**

### **TARIAN TRADISIONAL SUKU KAUM DUSUN TINAGAS DI SABAH**

#### **1.1 Pendahuluan**

Bahagian pendahuluan ini akan menerangkan tentang penyelidikan yang akan dilakukan serta menghuraikan subtajuk kecil iaitu mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, dan objektif kajian. Latar belakang kajian merangkumi semua aspek yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi mengupas kajian ini. Permasalahan kajian pula menerangkan tentang perkara yang mendorong pelaksanaan kajian ini melalui pembacaan kajian-kajian lepas, buku-buku ilmiah, jurnal, dan artikel. Objektif kajian pula menerangkan tentang sasaran bagi kajian ini supaya dapat menjawab segala permasalahan dan persoalan kajian dalam penyelidikan ini. Selain itu, hipotesis kajian, soalan kajian dan kepentingan kajian juga dibincangkan dalam bahagian ini.

Kepentingan kajian pula membincangkan berkenaan dengan manfaat penyelidikan ini kepada semua lapisan masyarakat yang merangkumi pelajar, pengkaji akan datang, dan juga kerajaan. Dalam masa yang sama, bab ini juga membincangkan tentang skop kajian, kerangka kerja kajian, dan kekangan kajian. Skop kajian menerangkan secara terperinci berkenaan dengan perkara yang dinilai dan ingin dicapai dalam penyelidikan ini. Kerangka kerja juga dibincangkan dalam bab ini yang memperlihatkan konsep yang terlibat dalam penyelidikan ini disamping subtajuk kekangan kajian yang menerangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi semasa membuat penyelidikan serta jalan penyelesaian untuk menangani masalah-masalah tersebut. Definisi istilah juga dimasukkan dalam bahagian ini supaya pembaca tidak menghadapi masalah semasa membaca dan yang terakhir ialah rumusan bagi bab ini.

## **1.2 Definisi Istilah**

Definisi istilah penting untuk kefahaman pembaca terhadap kajian ini. Hal ini disebabkan oleh takrifan pembaca yang mungkin berbeza dengan pengkaji. Oleh itu, semua konsep dan pemboleh ubah yang terlibat sepanjang penyelidikan ini dinyatakan secara jelas oleh pengkaji supaya pembaca lebih memahami dan tidak salah memberi tafsiran terhadap semua istilah yang digunakan oleh pengkaji. Takrifan bagi semua konsep dan pemboleh ubah tersebut hanya merujuk kepada kajian ini semata-mata.

### **1.2.1 Tarian**

Menurut laman web rasmi Jabatan Warisan Negara (2014), tarian membawa maksud gerakan badan yang dilakukan secara berirama dan dilaksanakan di tempat dan waktu tertentu bagi keperluan pergaulan, mengungkapkan perasaan dan maksud, serta pemikiran. Ia merupakan gerakan tubuh badan yang amat berbeza daripada pergerakan harian berjalan dan berlari kerana tarian merupakan gerakan yang bertujuan menyampaikan sesuatu melalui pergerakan penari yang disulami emosi. Kekuatan maksud yang ingin disampaikan oleh koreografer adalah berdasarkan muzik atau bunyi-bunyian yang mengiringi sesebuah tarian. Takrifan tarian yang diberikan oleh laman web rasmi Jabatan Warisan Negara adalah sama maksudnya dengan tarian yang ada dalam konteks kajian ini.

### **1.2.2 Tradisional**

Tradisional dalam kajian ini bermaksud satu bentuk budaya yang diteruskan oleh generasi baru yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu iaitu tarian tradisional. Tarian merupakan salah satu bentuk budaya yang diwarisi oleh sesebuah kelompok manusia seiring dengan kehidupan.


Pengertian ini tidak berkaitan dengan maksud tradisional dalam konteks yang lain kerana pengertian tradisional di sini lebih kepada bentuk tarian yang telah diwarisi daripada kebudayaan yang telah dibentuk oleh masyarakat terdahulu dan menjadi sanjungan kepada masyarakat kini secara berkelompok.

### **1.2.3 Suku**

Suku bermaksud kelompok dalam masyarakat yang membentuk rumpun bangsa (Ustaz Muhammad Fauzi, 2011). Maksud ini adalah sama dengan pengertian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Ia ditujukan kepada suku Dusun yang hidup dalam satu rumpun namun dalam kelompok tersebut terdapat variasi Dusun yang diasingkan oleh cara pertuturan mereka. Namun, pada dasarnya kelompok ini adalah sama.

### **1.2.4 Kaum**

Kaum dalam konteks ini pengertian kaum merujuk kepada sebuah kelompok masyarakat yang mempunyai persamaan dari segi budaya, kepercayaan dan rupa fizikal (Farasmile, 2011). Ia berkaitan dengan kaum Dusun Tinagas yang hidup dalam kelompok yang rata-rata mempunyai budaya dan kepercayaan yang sama. Persamaan tersebut membuatkan mereka dapat hidup dengan baik dan dapat menerima antara satu dengan yang lain.



Rajah 1.1: Visual pengertian perkataan kaum

Sumber daripada: <http://www.artikata.com/arti-333356-kaum.html>

Gambar di atas adalah gambaran maksud perkataan suku dan juga perkataan kaum. Perkataan suku dalam konteks ini bermaksud sebuah kelompok masyarakat yang datang daripada sebuah bangsa yang besar. Suku Dusun adalah datang daripada kaum Kadazandusun. Dusun pula mempunyai pecahan yang banyak mengikut daerah.

### **1.2.5 Dusun**

Dusun merupakan sub etnik bagi Kadazan Dusun. Dusun mempunyai kepelbagaian budaya seperti bahasa, pakaian tradisional, peralatan muzik, peralatan memburu, dan banyak lagi variasi budaya yang lain. Dusun merupakan etnik yang paling besar yang mendiami negeri Sabah iaitu satu pertiga daripada penduduk di Sabah. Pada dasarnya Dusun adalah sama dengan Kadazan Dusun namun ia dipisahkan oleh gelaran daripada pemimpin Sabah suatu ketika dahulu yang menggelar penduduk Dusun yang tinggal di bandar sebagai “Kakadaian” ataupun “*Kakadazan*”. Manakala Dusun yang tinggal di pedalaman dan mengusahakan ladang padi digelar sebagai Dusun.

### **1.2.6 Tinagas**

Tinagas merupakan nama salah satu kaum bagi Dusun yang menuturkan bahasa Tinagas serta mengamalkan cara hidup Tinagas iaitu bercucuk tanam dan sebagainya. Dusun Tinagas kebanyakannya menetap di daerah Ranau dan Kota Marudu. Nama Tinagas diambil daripada perkataan “Nagas” yang bermaksud persisiran pantai kerana awal kedatangan Dusun Tinagas ini ke daerah Ranau mereka hidup di tepi sungai Sugud.

## **1.3 Latar Belakang Kajian**

Tarian tradisional pada masa kini penting untuk dipelihara bukan sahaja untuk memberikan kebaikan kepada sesebuah golongan masyarakat yang tertentu tetapi juga kepada negara Malaysia kerana tarian tradisional merupakan salah satu khazanah negara yang mampu memberikan pulangan yang baik terutamanya dalam peningkatan ekonomi negara. Keunikan dan kepelbagaian tarian tradisional di Malaysia mampu menarik perhatian lebih ramai pelancong tempatan serta pelancong daripada luar negara. Oleh itu, terdapat kemasukan mata wang asing yang menguntungkan negara.

Pernyataan ini disokong oleh laman web rasmi pelancongan Malaysia yang membincangkan tentang muzik dan tarian tradisional yang terdapat di Malaysia adalah mengagumkan. Walau bagaimana pun, tarian tradisional pada masa kini semakin pudar disebabkan wujudkan pelbagai tarian moden yang lebih diminati oleh masyarakat Malaysia terutamanya golongan remaja. Hal ini menyebabkan tarian tradisional yang memang tidak dikenali oleh masyarakat setempat semakin tidak diketahui kewujudannya. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah memilih tarian tradisional mangalai dan mongigol yang terdapat di Sabah kerana tarian ini kurang dikenali oleh masyarakat Malaysia.

Walaupun terdapat banyak buku, artikel, jurnal, serta kajian lepas berkenaan dengan tarian tradisional namun mereka tidak menyentuh tentang keberadaan tarian mangalai dan mongigol dalam dunia seni persembahan tarian tradisional di Malaysia. Tarian tradisional mangalai dan mongigol merupakan tarian tradisional suku kaum Dusun Tinagas di Sabah dan pengkaji mengambil sampel masyarakat Dusun Tinagas yang hidup menetap di daerah Ranau. Terdapat lebih kurang sebelas buah kampung di daerah Ranau yang menjadi petempatan suku kaum Dusun Tinagas iaitu rata-rata kampung-kampung yang berada di bawah mukim Malinsau.

Kampung-kampung tersebut adalah Mokodou, Kepuakan, Tanid, Linapasan, Nasakot ataupun Malinsau Darat, Sumbilingon, Wayan, Tinindoi, Sinurai, dan Mampakot. Suku kaum ini kebanyakannya menganuti agama Kristian dan agama Islam. Bagi kaum Dusun Tinagas, tarian ini merupakan satu-satunya tarian warisan daripada nenek moyang mereka yang masih ditarikan sehingga pada masa kini. Di kampung-kampung yang disebutkan di atas mereka masih memelihara tarian ini daripada pengaruh orang luar serta kemasukan unsur-unsur moden kerana mereka percaya bahawa apabila tarian ini menerima pengaruh moden maka tarian ini akan kehilangan keasliannya.

Oleh itu, apabila tiba musim perayaan Tadau Kaamatan di Sabah penduduk di sekitar kampung yang disebutkan di atas masih giat melakukan aktiviti-aktiviti kebudayaan di peringkat kampung. Walaupun begitu, tarian ini masih kurang diketahui oleh masyarakat yang lain terutamanya daripada masyarakat di Semenanjung. Hal ini disebabkan oleh kurangnya aktiviti kebudayaan yang mereka laksanakan pada masa ini.

Oleh itu, pengkaji mengambil tarian Mangalai dan Mongigol sebagai subjek utama dalam kajian ini dengan mengambil dua perkara yang penting iaitu konsep dan pengurusan promosi bagi kedua-dua tarian ini. Dengan mengambil dua perkara penting ini, pengkaji yakin bahawa tarian ini akan dapat dikaji sepenuhnya.

#### **1.4 Permasalahan Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti permasalahan kajian yang timbul dan perlu diselidiki oleh pengkaji secara teliti. Permasalahan kajian yang timbul dalam penyelidikan ini ialah tarian tradisional Mangalai dan Mongigol Dusun Tinagas kurang diketahui oleh masyarakat luar dan tidak dipraktikkan oleh generasi baru dalam suku kaum Dusun Tinagas itu sendiri. Generasi baru lebih tertarik dengan tarian moden seperti *Shuffle Dance*, *pop*, dan sebagainya. Kedua-dua tarian ini semakin dilupakan oleh generasi-generasi baru malah menganggap bahawa tarian ini sudah lapuk. Menurut MyMetro (2015), generasi baru semakin memandang sepi seni budaya tradisional dan mereka lebih cenderung untuk mengagungkan budaya Barat. Pengkaji yakin bahawa tarian Mangalai dan Mongigol merupakan salah satu tarian tradisional yang semakin dipinggirkan.

Isu kajian yang dapat dilihat dalam penyelidikan ini ialah berkenaan dengan makna dan fungsi tarian mangalai dan mongigol. Makna dan fungsi sesebuah tarian tradisional perlu diketahui oleh semua lapisan masyarakat khususnya bagi masyarakat yang empunya tarian tradisional tersebut. Oleh itu, makna dan fungsi tarian mangalai dan mongigol amat penting untuk diketahui oleh masyarakat Dusun Tinagas khususnya golongan remaja supaya mereka lebih menghargai kedua-dua tarian ini.

Isu yang seterusnya ialah pengurusan promosi yang kurang bagi memperkenalkan tarian Mangalai dan Mongigol kepada masyarakat setempat mahupun pelancong. Masyarakat Dusun Tinagas kurang melaksanakan acara-acara kebudayaan yang bertujuan untuk mempromosikan tarian ini. Secara langsung perkara ini telah menyebabkan masyarakat luar mahupun masyarakat di Sabah tidak mendapat maklumat berkenaan dengan tarian Mangalai dan Mongigol. Walaupun pernah menyertai pertandingan sehingga ke peringkat tinggi namun ia tidak memadai untuk mendedahkan tarian ini kepada semua lapisan masyarakat.

### **1.5 Objektif Kajian**

Pengkaji mengetengahkan beberapa objektif kajian yang dirasakan dapat menjadi kayu ukur dalam penyelidikan ini. Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin mengenal pasti konsep-konsep dalam tarian Mangalai dan Mongigol. Hal ini demikian kerana masih ramai masyarakat khususnya suku kaum Dusun Tinagas sendiri belum mengetahui makna dan fungsi tarian mangalai dan mongigol. Selain itu, pengkaji juga ingin meneliti pengurusan promosi bagi tarian Mangalai dan Mongigol memandangkan tarian ini masih kurang dikenali oleh masyarakat yang lain seterusnya memperkenalkan tarian ini di peringkat yang lebih tinggi.

Berikut merupakan objektif khusus yang diberi perhatian melalui kajian ini. Antaranya ialah:-

1. Untuk mengenal pasti konsep-konsep tarian Mangalai dan Mongigol. Objektif yang pertama ini merupakan matlamat utama pengkaji dalam penyelidikan ini. Suku kaum Dusun Tinagas perlu memperkenalkan tarian Mangalai dan Mongigol sebagai identiti mereka dengan mengetahui konsep kedua-dua tarian tersebut. Melalui pemahaman konsep bagi tarian Mangalai dan Mongigol, masyarakat Dusun Tinagas dan juga masyarakat luar lebih mengetahui mengenai makna, fungsi, kepercayaan, alat muzik, pakaian tradisional penari dan juga cara tarian Mangalai dan Mongigol ditarikan.
2. Untuk meneliti pengurusan promosi bagi tarian mangalai dan mongigol. Sebagaimana tarian lain yang lebih dikenali oleh masyarakat lain khususnya tarian Sumazau, tarian Mangalai dan Mongigol juga mampu berdiri sama tinggi dengan tarian lain sekiranya ada usaha yang berterusan untuk mempromosikan tarian ini. Seterusnya tarian ini juga boleh menjadi aset kepada negara dan negeri Sabah khasnya dalam menarik lebih ramai pelancong. Namun, perkara yang paling penting dalam objektif yang kedua ini ialah supaya tarian ini dapat dikenali oleh masyarakat yang lain.

### **1.6 Hipotesis Kajian**

Tarian Mangalai dan Mongigol ditarikan semasa majlis perkahwinan dan semasa musim menuai padi di Sabah. Tarian ini juga ditarikan oleh suku kaum yang lain namun ia mempunyai perbezaan mengikut suku kaum. Para penari perempuan memakai pakaian tradisional manakala penari lelaki pula hanya memakai pakaian biasa tetapi kemas. Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak muzik tradisional mereka yang dikenali sebagai gong.

Bagi mempromosikan tarian ini, suku kaum Dusun Tinagas melakukan aktiviti melatih anak-anak muda untuk mempelajari tarian ini. Hal ini untuk membentuk generasi baru Dusun Tinagas yang mencintai warisan budaya sendiri berbanding budaya-budaya daripada orang luar yang dibawa masuk oleh pelancong ataupun pengaruh daripada television.

### **1.7 Soalan Kajian**

Terdapat beberapa soalan kajian yang ditentukan oleh pengkaji bagi mencapai objektif dalam penyelidikan yang dijalankan.

1. Apakah konsep-konsep dalam tarian Mangalai dan Mongigol?

Soalan pertama ini berkaitan dengan makna, kepercayaan, fungsi, alat muzik yang terlibat dalam tarian Mangalai dan Mongigol, pakaian tradisional penari, dan cara kedua-dua tarian ini ditarikan. Soalan ini penting untuk diajukan kepada informan bagi mendapatkan maklumat berkenaan konsep tarian Mangalai dan Mongigol. Oleh itu, pengkaji mengharapkan agar informan dapat memberikan maklumat yang tepat berkenaan konsep tarian Mangalai dan Mongigol supaya objektif ini tercapai.

2. Bagaimanakah pengurusan promosi dalam tarian Mangalai dan Mongigol?

Seterusnya ialah soalan berkenaan dengan cara kedua-dua tarian ini dipromosikan kepada orang luar. Soalan ini penting supaya pengkaji dapat mengenal pasti kaedah dan usaha yang dilakukan oleh masyarakat Dusun Tinagas untuk mempromosikan tarian Mangalai dan Mongigol. Soalan ini penting supaya pengkaji dapat mencapai objektif yang kedua iaitu meneliti pengurusan promosi bagi tarian Mangalai dan Mongigol.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan kepada buku-buku yang ada dalam sorotan kesusasteraan, kajian ini belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Kajian-kajian yang dijalankan ini pasti memberikan banyak manfaat dan kepentingan kepada beberapa pihak yang lain. Hal ini demikian kerana kajian ini akan dapat membantu dalam pengumpulan maklumat dan banyak lagi kepentingan yang lain. Oleh itu, kepentingan yang terhasil akan memberikan kesan yang besar dalam usaha memperkenalkan seni persembahan yang jarang dilihat oleh masyarakat lain. Kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak-pihak yang lain seperti pengkaji akan datang, pelajar, masyarakat, dan juga kerajaan untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan keunikan seni persembahan tarian Mangalai dan Mongigol.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan dapat menambah pengetahuan pengkaji berkenaan dengan perkara ini. Melalui kajian ini, pengkaji akan mendapat maklumat yang tepat dan lengkap daripada informan yang boleh dijadikan sebagai sumber maklumat yang sah. Pelajar pula dapat memahami dan menambah ilmu mengenai seni tari suku kaum Dusun Tinagas kerana kajian ini membincangkan topik yang belum pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lepas.

Selain itu, kajian ini juga memberi ilham dan peluang kepada pengkaji yang akan datang untuk mengisi ruang kosong yang ditinggalkan oleh pengkaji lepas. Dalam masa yang sama, masyarakat juga mendapat manfaat daripada kajian ini kerana masyarakat dapat mengetahui dengan lebih dalam lagi mengenai tarian tradisional suku kaum Dusun Tinagas di Sabah. Bukan hanya itu, kajian ini juga penting bagi kerajaan kerana dapat memberikan maklumat mengenai tarian Mangalai dan Mongigol suku kaum Dusun Tinagas kepada kementerian serta jabatan kesenian negara.

## **1.9 Skop Kajian**

Kajian ini diberi penekanan dalam konsep tarian ini, pengurusan promosi, dan atur cara tarian ini. Dalam bahagian konsep, pengkaji akan meneliti tentang pakaian, penari, kepercayaan suku kaum Dusun Tinagas terhadap tarian ini, peralatan muzik yang terlibat, dan peralatan tradisional yang lain yang mempunyai kaitan dengan tarian ini. Pengurusan promosi pula pengkaji akan meneliti berkaitan dengan cara mereka memperkenalkan tarian ini kepada masyarakat yang lain serta penglibatan mereka dalam majlis-majlis yang dapat mempromosikan tarian ini. Seterusnya, dari aspek atur cara tarian ini pula pengkaji akan meneliti acara-acara yang dilangsungkan sebelum dan selepas tarian ini ditarikan dalam sesebuah majlis.

Kajian ini difokuskan kepada masyarakat Dusun Tinagas yang menetap di kampung Malinsau, Ranau Sabah dan kajian ini dilakukan ke atas penduduk Dusun Tinagas yang berumur antara 40 sehingga 70 tahun kerana dalam lingkungan umur ini mereka lebih banyak pengalaman dan pengetahuan dalam semua aspek bukan sahaja daripada aspek kebudayaan tetapi juga dalam hal-hal perubatan tradisional.

Batasan kajian ini penting supaya pengkaji tahu di mana hala tuju untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Selain itu, batasan kajian ini juga memudahkan penyediaan penyelidikan ini kerana tidak merangkumi subjek yang besar. Dalam masa yang sama, pengkaji juga tidak keliru berkenaan dengan lokasi kajian serta pengkaji dapat memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap penyelidikan yang dijalankan. Hal ini membantu pengkaji untuk menerangkan penyelidikan kepada pensyarah dengan lebih mudah seterusnya meyakinkan mereka tentang penyelidikan yang dijalankan. Hal ini demikian kerana skop yang lebih kecil lebih mudah untuk membuat kajian.